

inSPIRED

richworks.com/inspired

**BUSINESS
TALK**

10 SIKAP YANG
PERLU ADA DALAM
DIRI SEORANG
USAHAWAN

AHMAD FIRDAUS JUSOH

ANAK PENEROKA FELDA BINA BISNES

RICHWORKS™
Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutawan

6 OGOS 2023 | BIL: 13
WWW.RICHWORKS.COM

TIADA KETURUNAN KELUARGA PENIAGA

Bukan daripada darah keturunan peniaga, ibu dan ayah Ahmad Firdaus Jusoh adalah peneroka di Felda Kerteh 3, di Ketengah Jaya, Terengganu.



Bagaimanapun, Ahmad Firdaus mewarisi AMJ Technique Sdn. Bhd. yang ditubuhkan oleh abang sulungnya pada 2015.

“Selepas lima tahun ditubuhkan, abang buat keputusan untuk memberi ruang kepada saya untuk meneruskan legasi syarikat ini.

“Sekarang ini saya sendiri yang menerajui AMJ dan dipantau oleh abang sulung,” kongsi Ahmad Firdaus memulakan bicara.

DITIPU LEBIH TIGA KALI

Adat berniaga ada cabaran. Setakat lapan tahun menjalankan perniagaan, Ahmad Firdaus pernah ditipu oleh pihak yang mengambil kesempatan.

“Bukan sekali dua, tapi sudah lebih tiga kali. Bila kita buat projek, sepatutnya duit seiring dengan *progress*. Tapi *progress* 10% , duit sudah pergi 50%.

“Bila sampai masuk kerja 40%, sub kontraktor bagi tahu tak nak buat. Sedangkan duit dah ambil lebih. Nak tak nak kita terpaksa cari orang lain, tambah duit untuk bayar pada kontraktor lain dan bayaran terdahulu hangus,” jelasnya.

Malah, beliau juga pernah mengalami

kerugian sekitar RM1 juta.

“Pembentangan pada kertas kerja semuanya cantik, tapi ketika itu saya belum ada pengalaman untuk analisis semua data.

“Daripada segi pinjam meminjam pun ada juga. Sewaktu itu tak ada perjanjian, kita tak ada peguam. Kesilapan ini membuatkan saya belajar banyak perkara,” luahnya.

NASIHAT ABANG

Mahu Ahmad Firdaus berjaya dalam perniagaan, abangnya mencadangkan agar adiknya mendapat bimbingan daripada Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr. Azizan Osman dan RichWorks.

“Pada 2021, abang saya yang mengasaskan AMJ ada sertai kelas Dr. Azizan. Selepas kelas itu dia maklumkan saya perlu berguru,” kongsinya.

Sebelum itu, Ahmad Firdaus pernah mengikuti program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan (IMKK) pada 2016.

“Dari 2015 banyak kerja saya buat sendiri walau ada enam pekerja. *Supervisor* ada tapi saya masih buat kerja *supervisor*. “Kerani ada, tapi kerja kerani pun saya buat juga, saya tak beri 100% tanggungjawab

kepada pekerja," ujarnya.

PERBAIKI DIRI

Mahu memperbaiki kesilapan diri, Ahmad Firdaus mengambil keputusan untuk menyertai program pementoran SPIRE pada November 2021.

"Sebab niat mula-mula saya masuk SPIRE bukan nak kejar jualan, tapi nak betulkan diri saya dulu sebab tiada ilmu dalam bisnes.

"Saya bukannya datang daripada keturunan berniaga. Saya punya nekad masa itu nak betulkan diri sendiri dulu dari aspek kepimpinan. Masalah saya sebelum ini adalah kepimpinan," jelasnya.

Tambah Ahmad Firdaus, beliau juga semakin jelas dengan perniagaan yang dijalankan.

"Bila masuk SPIRE baru nampak platform bisnes. Dulu buat suka hati sahaja tapi akhirnya makan diri sendiri.

"Dr. Azizan tekankan kita kena ada *big why*, kita kena ada misi dan visi. Saya mula kumpul pemimpin dalam syarikat untuk merangka misi dan sasaran jualan," ujarnya.

Tindakan itu membuatkan kakitangannya lebih faham dan jelas mengenai hala tuju syarikat.

"Bagi saya bila kita jelas dengan misi dan visi, lebih senang nak capai apa kita nak.

"Komunikasi dengan *team* juga bertambah baik. Sebelum ini kalau bagi arahan pun hanya di tepi tingkap sahaja," katanya sambil tersenyum.

BAIK UNTUK BISNES DAN KELUARGA

Bagi Ahmad Firdaus, ilmu kepimpinan bukan sahaja memberi manfaat dalam bisnes, malah kepada keluarganya.

"Bila saya dapat, bukan setakat guna dalam bisnes sahaja malah memberi perubahan yang besar dalam keluarga saya.

"Dulu stres kerja, balik rumah lepaskan pada keluarga. Sekarang kita dah boleh kawal emosi dan hubungan kekeluargaan makin rapat," katanya.

Selain ilmu kepimpinan, kerohanian juga tidak ditinggalkan.

"Hubungan dengan Allah pula, sejak saya masuk SPIRE 6.30 pagi kita sudah ada sesi ratib. Kalau dulu 6.30 pagi tengah sibuk cari nak makan apa pagi itu.

"Jadi kita dekatkan diri dengan Allah dulu. Dari situ saya rasa ada kelembutan dari segi emosi. Hati itu rasa lain," jelasnya.





RMI JUTA PERTAMA

Setahun berada dalam SPIRE, hasil syarikat meningkat sekali ganda.

Beliau sudah pun berjaya capai RMI juta pertama namun ketika menyertai SPIRE, jualan dicatatkan RM6 juta pada 2021 telah meningkat kepada RM11.4 juta pada Disember 2022.

Apabila aliran tunai syarikat diperbaiki, memberi kelebihan kepada syarikat untuk berurusan dengan pihak bank.

“Hari ini bank yang datang cari kita bukan kita yang cari bank. Macam dulu bila nak mohon pinjaman terpaksa pergi bank isi borang semua, tapi hari ini bank yang datang,” ujarinya.

Lebih menarik, bukan sahaja aliran tunai syarikat diurus dengan baik malah

kewangan peribadi.

“Kita dah buat bajet, berapa untuk isteri, anak-anak dan isi rumah. Dulu isteri saya bertugas sebagai seorang jururawat pergigian. Tapi, bila anak sudah makin besar kami ambil keputusan supaya isteri jadi suri rumah sepenuh masa.

“Alhamdulillah isteri boleh terima apa yang kita rancang. Pada masa sama, keperluan dan permintaan isteri dapat ditunaikan,” kongsiinya.

Dalam pada itu, AMJ mempunyai sebuah cawangan di Pandan Indah, Kuala Lumpur. Dalam tempoh tiga tahun mereka merancang untuk membuka pejabat di Sabah dan Sarawak serta serta memasuki pasaran Indonesia dalam tempoh lima tahun akan datang.





3

PESANAN

1

PERTAMA, MESTI ADA KEBERANIAN.

"Kita jangan takut untuk lakukan sesuatu. Kita kena ada keberanian tetapi keberanian itu perlu adanya guru," tegasnya.

2

KEDUA, BERNIAGA MESTI ADA GURU.

"Sebab kita tak tahu apa yang kita buat betul atau tak. *Result* sudah nampak pada diri saya sendiri, tanpa guru kita ditipu, rugi, tak tahu macam mana nak pantau walaupun diri sendiri.

"Kita rasa okay dah kita buat macam ini, tapi sebenarnya salah. Bagi saya walau apa pun kena ada guru.

"Dari tadika sampai universiti, kita tetap ada guru. Bagi saya perlu ada orang yang mengajar kita, pantau kita. Beritahu apa yang kita buat salah dan apa yang betul," jelasnya.

3

KETIGA, BETULKAN DIRI SENDIRI.

"Kita jangan mengharapkan sesuatu daripada orang lain tapi kita kena jadi contoh kepada orang lain.

"Contohnya bila saya *join* SPIRE, dulu 6:30 pagi sibuk nak makan apa tapi RichWorks mengajar saya dekatkan diri dengan Allah SWT dulu. Sebab apa pun rezeki itu datang daripada-Nya bukan kita.

"Walaupun kita usaha macam mana tapi kalau buat benda yang salah dan tak berkat, kita tak akan dapat. Diri kita sendiri kena betulkan dulu," pesan Firdaus.



BUSINESS TALK!!!

10 SIKAP YANG PERLU ADA DALAM DIRI SEORANG USAHAWAN BERJAYA

Sebagai seorang usahawan, terdapat beberapa sikap yang penting untuk kita miliki bagi menjadi ahli perniagaan yang berjaya. Kualiti yang dimiliki inilah yang akan membezakan anda dengan usahawan lain dalam industri yang diceburi.

Bukan hanya setakat buat jualan jutaan ringgit, usahawan juga perlulah memiliki beberapa kriteria ini jika mahu bisnes terus bertahan dan berkembang.

Belum terlewat untuk berubah, berikut adalah beberapa sikap yang perlu ada dalam diri seorang usahawan jika inginkan kemajuan dalam hidup dan juga bisnes.

KEPEMIMPINAN

Seorang usahawan harus memiliki sikap kepemimpinan yang kuat. Mereka harus mampu menginspirasi dan memotivasi pasukan mereka serta memiliki kemampuan membuat keputusan yang tepat.

KETEKUNAN

Usaha yang dilakukan tidak selalu berjalan lancar. Ada banyak rintangan dan cabaran yang harus dihadapi. Oleh itu, seorang usahawan perlu memiliki ketekunan yang tinggi untuk terus maju meskipun menghadapi kegagalan atau kejatuhan.

INOVASI

Inovasi adalah kunci kejayaan dalam dunia bisnes. Seorang usahawan harus memiliki kemampuan untuk berfikir secara kreatif dan menciptakan idea-idea baru yang dapat membezakan bisnes mereka daripada pesaing.

KEBERANIAN MENGAMBIL RISIKO

Perjalanan dalam dunia bisnes selalu melibatkan risiko. Seorang usahawan harus memiliki keberanian untuk mengambil risiko dan keluar dari zon selesa mereka.

Namun, risiko yang diambil haruslah dihitung dengan baik dan didasarkan pada penelitian dan pemahaman yang matang.

KEMAMPUAN BERADAPTASI

Dunia bisnes selalu berubah dengan cepat. Seorang usahawan harus memiliki kemampuan untuk beradaptasi dengan perubahan tersebut.

Mereka harus terbuka terhadap perubahan, sentiasa tahu perkembangan trend terkini dan mampu mengambil tindakan yang cepat dan tepat.

BIJAK BERKOMUNIKASI

Seorang usahawan harus memiliki kemahiran komunikasi yang baik. Mereka

perlu mampu menyampaikan visi dan idea-idea mereka kepada pasukan, rakan bisnes dan pelanggan.

Selain itu, kemampuan mendengar juga penting untuk memahami keperluan dan masalah yang dialami pelanggan.

KETEKUNAN DAN KEGIGIHAN

Usaha dalam dunia bisnes sering kali memerlukan waktu dan usaha yang besar untuk mencapai kejayaan. Seorang usahawan harus memiliki ketekunan dan kegigihan untuk tetap fokus pada tujuan mereka meskipun menghadapi rintangan dan cabaran.

Orientasi pada pelanggan: Seorang usahawan harus memiliki orientasi yang kuat pada kepuasan pelanggan. Mereka harus dapat memahami keperluan dan harapan pelanggan mereka serta berusaha memberikan produk atau layanan yang memenuhi keperluan tersebut.

KOLABORASI

Kerjasama dan kolaborasi dengan pihak lain seperti rakan bisnes atau pengusaha lain dapat menjadi faktor kunci dalam kejayaan bisnes.

Seorang usahawan harus memiliki kemampuan untuk bekerjasama dengan orang lain dan menjalinkan hubungan yang saling menguntungkan.

KEMAMPUAN BELAJAR

Dunia bisnes akan terus berkembang dan seseorang usahawan harus memiliki kemampuan belajar yang baik. Mereka harus terbuka untuk belajar hal baharu, mengembangkan perniagaan dan terus meningkatkan pengetahuan mereka tentang industri dan pasar yang mereka ceburi.

Sikap-sikap ini membantu seorang usahawan dalam menghadapi cabaran dan membangunkan bisnes yang sukses. Namun, perlu diingat bahawa sikap-sikap ini dapat dikembangkan dan diperkuatkan melalui pengalaman, latihan dan kesediaan untuk terus belajar dan beradaptasi.



EKSKLUSIF!

GERAN BIMBINGAN PERNIAGAAN BERNILAI RM3 JUTA

DALAM


Klinik Usahawan

SIRI **BINA BISNES BERJAYA**

Sesi Transformasi Perniagaan
untuk Usahawan SME



DATUK WIRA
DR AZIZAN OSMAN
MenThor Usahawan Jutawan



Buku Untuk Usahawan
Bakal Jutawan!

+
Sesi Penilaian Perniagaan
Anda berharga **RM497**

100% PERCUMA

DITAJA OLEH RICHWORKS


Mohon di: richworks.com/satujutapertama

RICHWORKS
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

10X **BINA BISNES** 2023 **BERJAYA**

2-3 SEPTEMBER 2023
IDCC, SHAH ALAM

D A T U K W I R A
DR. AZIZAN OSMAN



DAFTAR SEKARANG

binabisnesberjaya.com

Rebut Tempat Duduk Anda Sekarang!

inSPIREdTM
E- MAGAZINE UNTUK BANGSA USAHAWAN



RICHWORKS[®]
ACCELERATING YOUR BUSINESS SUCCESS

PENAFIAN : Nasihat yang diberikan dalam majalah ini merupakan nasihat secara am. Ia disediakan tanpa mengambil kira objektif, situasi kewangan atau keperluan anda. Sebelum melakukan tindakan, anda perlu menilai kesesuaian nasihat diberikan mengikut situasi & keperluan masing-masing.